



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2017 / 2018
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE / : DDWG 1413 / DDPG 1413
KOD KURSUS

COURSE NAME / : PRINCIPLES OF MICROECONOMICS /
NAMA KURSUS PRINSIP MIKROEKONOMI

YEAR / PROGRAMME : 1 DDWG / DDPG
TAHUN / PROGRAM

DURATION / : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE / : OCTOBER / NOVEMBER 2017
TARIKH

INSTRUCTION : Answer ALL questions in the answer booklets provided.
ARAHAN : Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:	
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	
COLLEGE NAME	:	



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkejakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

INSTRUCTION : ANSWER ALL QUESTIONS.

(60 MARKS / MARKAH)

[ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN.]

Q1. One firm has cost structure as per below:

[Sebuah firma mempunyai struktur kos seperti di bawah:]

Output [Output]	Total cost [Jumlah kos] (RM)	Variable cost [Kos berubah] (RM)
1	120	100
2	200	180
3	210	190
4	240	220
5	350	330
6	540	520

a) What is the fixed cost incurred by the firm?

[Berapakah kos tetap yang ditanggung oleh firma ini?]

(1 m)

b) Calculate below costs on multi-level output :

[Kirakan kos-kos di bawah pada pelbagai tingkat output:]

i) Marginal cost. *[Kos sut.]*

ii) Average cost. *[Kos purata.]*

iii) Average variable cost. *[Kos berubah purata.]*

(3 m)

c) Calculate the firm's profit if it produces 6 units of output with the price of RM90 per unit.

[Hitung keuntungan firma ini jika ia menghasilkan 6 unit output dengan harga RM90 setiap unit.]

(2 m)

d) What is the level of output when the firm reaches the point of short-term closure of the firm?

[Berapakah tingkat output apabila firma mencapai titik penutupan firma jangka pendek?]

(1 m)

e) Does this firm will continue production at RM50 per unit? Explain.

[Adakah firma ini akan meneruskan pengeluaran pada harga RM50 seunit?

Jelaskan.]

(1 m)


f) Draw a graph that shows the average cost and the average variable cost in the same graph.

[Lukis graf yang menunjukkan keluk kos purata dan keluk kos berubah purata dalam satu graf yang sama.]

(2 m)

Q2. The following diagram shows the short run profit maximizing position of a firm.

[Rajah di bawah menunjukkan kedudukan firma memaksimumkan keuntungan jangka pendek.]



a) State the name of market structure that the firm operating in. Briefly explain your reasons.

[Nyatakan nama struktur pasaran firma yang beroperasi. Terangkan secara ringkas sebab-sebab anda.]

(2 m)

b) State the equilibrium price and quantity.

[Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan.]

(2 m)

c) Calculate the total revenue and total cost at this output level.

[Hitungkan jumlah hasil dan jumlah kos pada tingkat keluaran.]

(2 m)

d) Calculate the amount of profit made by this firm at the equilibrium output. State the type of profit the firm is earning.

[Hitungkan jumlah keuntungan yang dihasilkan oleh firma ini pada output keseimbangan. Nyatakan jenis keuntungan yang firma hasilkan.]

(2 m)


e) State two (2) characteristics of this market structure.

[Nyatakan dua (2) kriteria struktur pasaran ini.]

(2 m)

Q3. The following graph shows country A's production possibilities curve for mangoes and guavas.

[Rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran negara A bagi pengeluaran mangga dan jambu.]



a) Calculate the opportunity cost of producing 5,000kg of mangoes.

[Hitung kos lepas bagi pengeluaran 5,000kg mangga.]

(2 m)

- b) Calculate the opportunity cost of increasing the production of guavas from 1,000 to 2,000kg.

[Hitung kos lepas bagi peningkatan pengeluaran buah jambu dari 1,000 ke 2,000kg.]

(2 m)

- c) In a separate graph, draw the effects of the following production possibilities curve when;

[Di dalam rajah yang berasingan, lukis kesan-kesan perkara berikut ke atas keluk kemungkinan pengeluaran apabila;]

- i. A technological breakthrough in the production of guavas.

[Perkembangan teknologi dalam pengeluaran jambu.]

(3 m)

- ii. A disease outbreak which reduces the production of mangoes.

[Wabak penyakit yang mengurangkan tingkat pengeluaran mangga.]

(3 m)

- Q4. a) Explain any four (4) factors that influence the price elasticity of demand.

[Terangkan mana-mana empat (4) faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan.]

(4 m)

- b) With the aid of the diagram and example, explain the exceptional demand curve.

[Dengan bantuan gambarajah, dan contoh, terangkan keluk permintaan luar biasa.]

(6 m)

- Q5. a) Briefly explain two (2) changes in the budget line.

[Terangkan secara ringkas dua (2) perubahan di dalam garisan belanjawan.]

(4 m)

- b) Define utility, and differentiate between cardinal utility and ordinal utility.

[Berikan maksud utiliti, dan bezakan di antara utiliti kardinal dan utiliti ordinal.]

(6 m)

- Q6. a) State four (4) characteristics of oligopoly market structure.
[Nyatakan empat (4) ciri-ciri struktur pasaran oligopoli.] (4 m)
- b) With the aid of the diagram, explain the concept of price rigidity. How a price leadership can be successful in an oligopoly market?
[Dengan bantuan gambarajah, terangkan konsep ketegaran harga. Bagaimanakah kepimpinan harga boleh berjaya dalam pasaran oligopoli?] (6 m)

- END OF QUESTIONS / SOALAN TAMAT -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]